

22/02/1997

145 pelajar RPKJ terima sijil

SERAMAI 145 pelajar Ambang Asuhan Jepun dari Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (UM) berjaya menamatkan pengajian selama dua tahun bagi Rancangan Persediaan Khas (Jepun) atau RPKJ 1996/97.

Daripada jumlah itu, 118 adalah pelajar aliran sains dan 27 pelajar lagi daripada aliran sains sosial.

Majlis penyampaian sijil kepada pelajar itu dilakukan oleh Naib Canselor UM, Datuk Dr Abdullah Sanusi Ahmad di Auditorium Perdanasiswa di universiti itu di Kuala Lumpur semalam.

Hadir sama di majlis itu ialah wakil Duta Jepun ke Malaysia, Toshiro Ozawa, Pengarah Pusat Asasi Sains, Prof Madya Mohd Said Kadis dan Pengurus Besar Perbadanan Nissho Iwai, Yoshiteru Okawa.

RPKJ adalah kursus persediaan untuk kemasukan ke universiti di Jepun. Kursus yang dimulakan pada Jun 1982 adalah sebahagian Dasar Pandang ke Timur yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1981.

Pelajar lepasan SPM yang diterima masuk mengikuti program itu dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun dan mata pelajaran sains serta sains sosial dalam tempoh dua tahun di Pusat Asasi Sains UM.

Dalam ucapannya, Dr Abdullah berkata kejayaan semua pelajar Rancangan Persediaan Khas (Jepun) dalam Peperiksaan Monbusho yang melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke universiti di Jepun bukan sahaja amat bermakna kepada mereka dan keluarga mereka, malah menjadi kebanggaan negara amnya.

"Kecemerlangan ini hendaklah diteruskan sehingga saudara menamatkan pengajian di universiti di Jepun dan kembali berkhidmat untuk negara.

"Semangat bekerja keras dan keinginan mengejar ilmu hendaklah dijadikan pedoman dalam usaha mendapat kejayaan di mana juga saudara berada," katanya.

Beliau turut mengingatkan pelajar berkenaan agar menjaga nama baik Malaysia dan maruah bangsa dengan sentiasa memelihara adat resam, budi bahasa dan agama semasa berada di Jepun nanti.

Mereka akan berlepas ke Jepun awal April ini untuk meneruskan pengajian ijazah sarjana muda selama empat tahun dalam bidang kejuruteraan, sains dan sains sosial di Universiti Tokyo, Universiti Kyusu, Universiti Kyoto dan beberapa universiti lain.

(END)